

16/11/1998

## Liberalisasi mungkin terjejas

ullah; Saidon Idris; Hatipah Ahmad; Azli Ayob; Abdul Halim Yusoff  
KUALA LUMPUR, Ahad - Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) kali ini mungkin dipengaruhi negara anggota yang tidak ghairah melaksanakan liberalisasi perdagangan berikutan ketidakhadiran Presiden Bill Clinton, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil kesal dengan kegagalan Clinton hadir pada sidang kemuncak Apec di sini, Perdana Menteri juga tidak menolak kemungkinan proses liberalisasi perdagangan akan terjejas sedikit berikutan ketiadaan pemimpin tertinggi Amerika Syarikat (AS) itu.

"Jika AS tidak diwakili pemimpin tertingginya, negara lain yang tidak ghairah melaksanakan liberalisasi perdagangan sudah tentu mempunyai pengaruh lebih besar yang menyebabkan kita harus mendengar pandangan mereka," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Sidang Kemuncak Perniagaan Apec di sini, hari ini.

Clinton dilaporkan tidak dapat menghadiri sidang kali ini untuk memberi tumpuan terhadap krisis terbaru di Iraq.

"Sekiranya Clinton datang untuk sidang kemuncak pemimpin Apec, beliau akan tahu bahawa bertentangan dengan laporan media, Malaysia adalah negara yang aman.

"Jika beliau datang (ke Kuala Lumpur) beliau boleh membetulkan laporan Herald Tribune," kata Dr Mahathir dengan nyata merujuk kepada laporan International Tribune bahawa Malaysia mengalami rusuhan berikutan pemecatan dan penangkapan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, Clinton tidak pernah ke Malaysia walaupun ramai rakyat Amerika sudah berada di sini.

"Sebahagian mereka tidak pernah berada di sini (tetapi) bercakap mengenai situasi yang meruncing di Malaysia," kata Dr Mahathir.

Mengenai perbalahan Amerika dan Iraq, Dr Mahathir berkata, negara itu tetap tidak akan berpuas hati dengan apa yang dilakukan Iraq, seperti mana Iraq tidak gembira dengan tindakan AS.

"Jadi, tidak ada penyelesaian terhadap masalah itu dan yang menjadi mangsa ialah rakyat Iraq, sedangkan Presiden Saddam Hussein akan menyorok di tempat persembunyiannya dan hanya keluar semula apabila tiada serangan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, pihak berkecuali wajar diberi tanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan senjata di Iraq.

"Seperti yang anda lihat menerusi CNN yang mana rakyat Amerika turut mengakui bahawa orang yang bertanggungjawab membuat pemeriksaan senjata di Iraq juga boleh memberitahu AS lokasi yang boleh menjadi sasaran jika wujud keperluan untuk menyerang Iraq.

"Jadi, sudah tentu Iraq tidak gembira dengan keadaan itu. Jadi, kenapa tidak membiarkan orang lain melakukan pemeriksaan," katanya.

Malah, Dr Mahathir berkata, sesetengah yang dihantar membuat pemeriksaan sudah mempunyai pandangan yang memihak sebelum menjalankan tanggungjawab itu menyebabkan laporan yang akan dibuat tidak mungkin tepat.

Mengulas saranan Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien agar perbincangan Apec diperluaskan meliputi isu sosial dan hak kemanusiaan, Dr Mahathir berkata, Apec akan menjadi sebuah lagi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) jika perkara itu dilakukan.

Menurutnya, jika Apec mahu diperluaskan meliputi isu itu, sudah tentu ia juga perlu memperluaskan lagi keanggotaannya kerana masih banyak negara belum menjadi anggota termasuk negara di rantau Pasifik serta negara lain,

seperti Bolivia, Equador dan Panama.

"Semua negara berkenaan harus diterima sebagai anggota. Keadaan itu akhirnya akan menjadikan Apec sebuah forum yang mempunyai banyak anggota yang mana ia akan menjadi tempat bercakap tetapi tidak melakukan apa-apa," katanya.

Mengenai kenyataan Chretien berhubung isu hak kemanusiaan di negara ini, Perdana Menteri berkata, Malaysia sentiasa mengambil berat mengenai isu berkenaan.

"Malah, saya mengambil berat mengenai hak kemanusiaan di seluruh dunia termasuk di Kanada," tegasnya.

Sebagai contoh, katanya, Kanada dulunya dimiliki kaum Indian tetapi beliau tidak nampakpun kaum berkenaan diwakili pada forum itu.

Mengenai keputusan Chretien untuk tidak mengadakan pertemuan dua hala dengan beliau ketika menghadiri forum itu di sini, Dr Mahathir berkata, pertemuan dua hala tidak termasuk dalam proses Apec.

Pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir turut menafikan laporan kononnya perunding teknologi maklumat, Dr Kenichi Ohmae menarik diri daripada menganggotai Panel Penasihat Antarabangsa projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Saya baru saja bulan lalu bertemu Ohmae dan dia tidak pernah bercakap apa-apa mengenai penarikan diri, sebaliknya dia membantu saya menerangkan keadaan di negara ini," katanya sambil menjelaskan anggota lain panel itu juga masih berminat dengan projek MSC.

Mengenai hubungan Malaysia-Singapura, Dr Mahathir berkata, kedua-dua negara masih berbincang dan wujud tanda-tanda positif bahawa sebarang masalah yang timbul akan dapat diselesaikan sekalipun tidak semuanya.

"Masih akan ada masalah yang timbul tetapi ia tidak akan menyebabkan berlakunya konfrontasi antara kedua-dua negara," katanya sambil mengakui keakraban Malaysia-Singapura tidak seerat dulu.

"Masih ada Selat Tebrau yang memisahkan kami," katanya dengan nada berseloroh.

(END)